

Amalan Pedagogi Hikmah dalam Pengajaran Akidah di Sekolah Rendah

BITARA

Volume 6, Issue 3, 2023: 169-179
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 23 May 2023
Accepted: 26 June 2023
Published: 1 August 2023

[The Practice of Hikmah (Wisdom) Pedagogy in The Teaching of Akidah in Primary School]

Adilah Kamal Azizi¹ & Hafizhah Zulkifli^{1*}

1 Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: humairaquraisya@gmail.com , hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

*Corresponding Author: hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

Abstrak

Pengajaran Akidah dianggap sebagai suatu proses yang sukar kerana ia menuntut seseorang guru menyampaikan pengetahuan untuk membentuk keyakinan yang mendalam kepada kewujudan dan kekuasaan Allah SWT. Murid pula menganggap subjek Akidah sebagai satu mata pelajaran yang susah untuk difahami dan membosankan. Justeru, kertas konsep ini dikemukakan bertujuan untuk memahami amalan Pedagogi Hikmah dalam membantu guru melaksanakan pengajaran Akidah di sekolah rendah dengan berkesan. Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan dan analisis dokumen sepenuhnya. Pengkaji akan membincangkan elemen-elemen yang terdapat di dalam Pedagogi Hikmah, penggunaan teori dan model pengajaran yang berkaitan, pelaksanaan pengajaran Akidah menggunakan pendekatan Pedagogi Hikmah dan implikasi pelaksanaan Pedagogi Hikmah di dalam pengajaran Akidah. Pedagogi Hikmah didapati praktikal untuk diamalkan dalam pengajaran Akidah khususnya di sekolah rendah kerana ia membantu guru untuk mengendalikan pengajaran berpusatkan murid secara berkesan manakala murid pula berpeluang meneroka pembelajaran dengan mengaplikasikan kemahiran berfikir dan kemahiran berkomunikasi. Pendekatan Pedagogi Hikmah didapati membantu murid untuk meningkatkan kemahiran kognitif, kemahiran komunikasi dan sosial, minat, motivasi serta keyakinan dalam pembelajaran. Kajian ini bermanfaat kepada guru Pendidikan Islam sebagai panduan untuk mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran Akidah yang berkesan.

Kata kunci: Pengajaran Akidah, Guru, Pedagogi Hikmah, Kemahiran berfikir, Kemahiran komunikasi

Abstract

The teaching of Akidah is a difficult process because it requires a teacher to convey knowledge in order to form a deep belief in the existence and power of Allah SWT. The students, on the other hand, consider Akidah subject as one that is difficult to understand and boring. Therefore, this concept paper is proposed with the aim of understanding the practice of Hikmah (Wisdom) Pedagogy in assisting teachers to effectively implement the teaching of Akidah in primary schools. This study utilizes a full literature review and document analysis. The researcher will discuss the elements found in the Hikmah (Wisdom) Pedagogy, the use of related teaching theories and models, the implementation of teaching Akidah using the approach of the Hikmah (Wisdom) Pedagogy, and the implications of implementing the Hikmah (Wisdom) Pedagogy in teaching Akidah. The Hikmah (Wisdom) Pedagogy is a practical approach that can be applied in teaching Akidah, especially in primary schools, as it helps teachers to effectively manage student-centered teaching, while providing opportunities for students to explore learning through the application of critical thinking and communication skills. The Hikmah (Wisdom) Pedagogy approach is found to be able to help students improve their cognitive skills, communication and social skills, interests, motivation, and

confidence in learning. This study is beneficial for Islamic Education teachers as a guide to effectively manage the teaching and learning session on Akidah.

Keywords: *Teaching Akidah, Teacher, Pedagogi Hikmah, Thinking skills, Communication skills*

Cite This Article:

Adilah Kamal Azizi & Hafizhah Zulkifli. (2023). Amalan Pedagogi Hikmah dalam Pengajaran Akidah di Sekolah Rendah [The Practice of Hikmah (Wisdom) Pedagogy in The Teaching of Akidah in Primary School]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(3): 169-179.

Pengenalan

Pedagogi Hikmah dalam pengajaran Akidah adalah pendekatan yang perlu diketengahkan pada hari ini kerana ia merupakan suatu pendekatan yang didapati berkesan dalam memberi makna pembelajaran kepada murid. Pengajaran Akidah secara berkesan sangat penting kerana ia merupakan tunjang utama dalam Pendidikan Islam.

Gaya penyampaian dalam pengajaran Akidah perlu dikaji semula dan ditambah baik dari semasa ke semasa dengan meneroka pendekatan yang kreatif dan inovatif secara berkesan di dalam bilik darjah (Ahmad Yunos, 2011). Kajian lepas menunjukkan bahawa strategi yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam (GPI) selama ini kurang sesuai dengan keperluan tuntutan revolusi industri 4.0 kini yang menuntut kemenjadian murid yang kreatif, inovatif dan kompetitif (Fatahiyah, Mohd Isa & Khadijah, 2022). Penyampaian GPI dalam pengajaran Akidah juga didapati masih kurang jelas, penggunaan strategi pembelajaran berpusatkan murid masih belum efektif dalam merangsang kemahiran berfikir murid, malah kebanyakannya masih bersifat pengajaran satu hala yang berpusatkan guru. Pengajaran guru hanya bersifat kontekstual, iaitu penyampaian teori semata-mata, kurang perkaitan dengan realiti kehidupan yang akhirnya memberi implikasi negatif kepada murid seperti kurang memahami serta tidak dapat mengaplikasi kemahiran berfikir secara analitikal dalam pembelajaran Akidah (Fatahiyah, 2020; Abdul Halim, 2016; Ahmad Yunus, 2011; Bazliah, 2012; Che Pee, 1983; Mohamad Maliki, Maimun Aqsha & Mohd Aderi, 2018; Mohd Farid, 2016; Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2017; Nurul Asiah Fasehah, 2015; Rosnani, Suhailah & Adesile, 2014 & Wan Mohd Nor, 1989)

Hal ini menunjukkan perlunya ada pembaharuan dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam bidang Akidah supaya ia tidak lagi dianggap susah untuk difahami dan membosankan dalam kalangan murid. Kaedah yang dapat meraih penglibatan murid secara menyeluruh serta aktif memberi pendapat dan berbincang untuk mencapai makna pembelajaran khususnya dalam bidang Akidah perlu diketengahkan untuk menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran menyeronokkan dan berkesan seterusnya menjadi penghayatan serta dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Walaupun sudah terdapat beberapa kajian terhadap tindak balas guru dan murid dalam Pedagogi Hikmah Pendidikan Islam, namun, kajian yang menjurus kepada pelaksanaan pengajaran Akidah di peringkat sekolah rendah masih belum dilaksanakan. Pendekatan ini penting untuk dikaji kerana pengajaran Akidah ialah proses penyampaian ilmu abstrak dan ia memerlukan sentuhan guru sebagai pakar bidang agar pemahaman kandungan lebih jelas

(Mohd Aderi & Rohani, 2009). Pengkaji berpendapat bahawa Pedagogi Hikmah berupaya membawa satu pembaharuan dalam pengajaran kerana murid dapat menghasilkan ilmu secara sendiri menerusi aktiviti bersoal jawab dan perbincangan sesama mereka, manakala guru berperanan sebagai fasilitator. Dari sudut sampel kajian pula, walaupun terdapat kajian terhadap pelaksanaan Pedagogi Hikmah dalam bidang Akidah di sekolah menengah, namun begitu kajian ke atas murid sekolah rendah masih belum diteroka secara mendalam.

Melalui sorotan literatur lima tahun ke belakang, pendekatan Pedagogi Hikmah dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah pun diaplikasikan dalam pelbagai bidang mata pelajaran seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (Rosnani, 2018), Pendidikan Moral (Hafizhah & Rosnani, 2019; Hafizhah & Rosnani, 2020) dan Pendidikan Islam (Nur Syahirah & Hafizhah, 2020; Leng, 2020; Hafizhah & Rosnani, 2019; Hafizhah & Nor Alniza, 2021; Kaziman, Hafizhah & Khadijah, 2022). Walaupun kajian dalam bidang Pendidikan Islam khususnya Akidah telah dijalankan, namun kajian yang dijalankan sebelum ini menjurus kepada pengajaran Akidah di sekolah menengah melibatkan murid tingkatan dua (Lina Mursyidah, 2015). Justeru, kajian ini akan dilaksanakan dengan memberi penumpuan khusus dan meluas kepada pelaksanaan pedagogi hikmah dalam pengajaran akidah di sekolah rendah.

Pengkaji berpendapat bahawa kajian ini dapat memberi manfaat kepada GPI kerana ia memperkenalkan satu amalan pengajaran baharu yang akan mendorong guru melaksanakan pengajaran secara interaktif dan efektif. Guru akan bertindak sepenuhnya sebagai pemula dan pemudah cara manakala murid-murid yang akan memainkan peranan untuk menjana ilmu pengetahuan baharu secara *hands on*. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk memahami elemen-elemen yang terdapat di dalam Pedagogi Hikmah, penggunaan teori dan model pengajaran yang berkaitan, pelaksanaan pengajaran Akidah menggunakan pendekatan Pedagogi Hikmah dan implikasi pelaksanaan Pedagogi Hikmah di dalam pengajaran Akidah.

Pedagogi Hikmah

Pedagogi Hikmah mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2006 menerusi penubuhan Centre for Philosophical Inquiry in Education di Kulliyah Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan kemudiannya menjadi Centre for Teaching Thinking pada tahun 2011. Pedagogi Hikmah adalah hasil cetusan idea daripada *philosophical inquiry* dan program *philosophy for children* (P4C) yang diasaskan oleh Matthew Lipman. Pendekatan ini telah dicetuskan apabila Matthew Lipman mendapati mahasiswa tahun pertama di Universiti Columbia, New York tidak berupaya untuk mengoptimumkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam membuat penaaakulan dan pertimbangan rasional (Nurhamizah & Hafizhah, 2019).

Pedagogi Hikmah didefinisikan sebagai satu pendekatan pengajaran yang berupaya untuk merangsang seseorang murid untuk berfikir dan mewujudkan suatu komuniti yang demokratik dalam menyampaikan pendapat dan persoalan menepati konsep syura seperti yang termaktub di dalam al-Quran dan Hadis (Rosnani, 2017). Pedagogi Hikmah juga membawakan konsep inkuiri falsafah yang berpandukan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, berteraskan petunjuk daripada al-Quran serta pengalaman praktikal murid yang menjalankan pendekatan ini (Rosnani, 2018). Di dalam Pendidikan Islam, pendekatan Pedagogi Hikmah

diperkenalkan untuk merangsang murid menjadi individu yang sentiasa berfikir, lebih meneliti, bertimbang rasa terhadap murid lain, munasabah dan paling utama berupaya mengaplikasikan pendekatan Pedagogi Hikmah bagi memahami al-Quran dan hadis dengan lebih mendalam bagi mendapatkan hikmah sebagai hala tuju hidup (Lipman 1988; Nur Syahirah & Hafizah, 2020). Di dalam Pedagogi Hikmah juga, GPI akan bertindak sebagai fasilitator dan pelajar diberi peluang dan kebebasan untuk menyoal, memberikan pendapat, mendengar dan menghargai pendapat murid-murid lain (Rosnani et al., 2018).

Secara umumnya, Pedagogi Hikmah merupakan suatu pendekatan ideal yang menggabungkan kemahiran berfikir dan kemahiran insaniah secara bersepadu. Menurut Ridza dan Faridah (2021) enam aspek pengukuran kemahiran insaniah ialah kemahiran komunikasi dan berpasukan, pemikiran kritikal dan pendekatan saintifik, pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat, kemahiran pengurusan dan keusahawanan, kemahiran dan tanggungjawab sosial dan profesionalisme, nilai, etika dan sikap. Hal ini menunjukkan Pedagogi Hikmah mampu membentuk perkembangan yang holistik ke arah kemenjadian murid di sekolah.

Pedagogi Hikmah bukan sahaja sebuah pendekatan berpusatkan murid, tetapi ia juga merupakan pendekatan yang berpusatkan komuniti khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Ahmad Kaziman et al., 2022). Pedagogi Hikmah merupakan suatu medium yang menggalakkan murid untuk berfikir secara kritikal, memberi hujah sebagai pengukuhan kepada idea-idea yang disampaikan, menilai situasi dan membuat keputusan terhadap penyelesaian masalah serta menyatakan sebab dan akibat di samping tidak mengabaikan aspek adab dan akhlak sepanjang proses pembelajaran berjalan (Hafizah & Rosnani, 2019). Penerapan persekitaran *Community of Inquiry* dalam Pedagogi Hikmah mendidik murid meraikan perbezaan dalam memberikan pendapat secara harmoni.

***Philosophical Inquiry* (Falsafah Inkuiri)**

Philosophical Inquiry merupakan pedagogi yang mengutamakan kemahiran berfikir dan berkomunikasi yang menjadikan falsafah sebagai asas utama. Rosnani (2017) menyatakan perbincangan falsafah didapati berbeza dengan kaedah perbincangan yang lain kerana semua murid dikehendaki mengambil bahagian. Natiujahnya, murid akan meneroka ilmu yang baharu tanpa batasan. Dalam pedagogi ini, ilmu kontekstual itu sendiri tidak penting, tetapi proses perkembangan dan percambahan idea untuk memperoleh ilmu secara kumulatif yang menjadi keutamaan. Pedagogi *Philosophical Inquiry* merupakan asas kepada pendekatan *Philosophy for Children (P4C)* yang membantu murid dan guru untuk membentuk pengalaman pembelajaran yang sentiasa mengutamakan kemahiran berfikir, berhujah dan pada masa yang sama memastikan suasana bilik darjah terkawal dan beretika (Leng, 2020).

***Community of Inquiry* (Komuniti Inkuiri)**

Community of Inquiry merujuk kepada satu kumpulan murid yang bekerja secara bersama-sama untuk mencapai ilmu dan makna baharu. Murid-murid akan ditempatkan di dalam posisi berbentuk bulatan atau kumpulan berbentuk pusingan U. Bilik darjah yang mempunyai elemen

Community of Inquiry mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Setiap ahli dalam komuniti inkuiri akan bekerja secara kolaboratif untuk mencapai objektif pembelajaran. Dalam komuniti ini, semua individu adalah penting antara satu sama lain kerana setiap individu berperanan menyumbangkan idea dan pendapat ke arah memperkembang konsep pembelajaran (Lipman, 1980). Guru berperanan sebagai sebahagian ahli komuniti yang akan memandu prosedur pembelajaran ke arah objektif yang telah ditetapkan (Sharp, 1993).


Metodologi

Kajian ini dijalankan secara kualitatif kerana pengkaji hendak meneroka amalan Pedagogi Hikmah di dalam pengajaran Akidah. Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Pengkaji mendapatkan maklumat menerusi rujukan kepada jurnal, prosiding dan buku-buku yang berkaitan. Hasil daripada carian dan analisis tersebut telah dijadikan sumber sokongan dalam perbincangan untuk meneroka pelaksanaan Pedagogi Hikmah di dalam proses pengajaran secara terperinci.

Amalan Pedagogi Hikmah dalam Pengajaran Akidah

Pendekatan Pedagogi Hikmah terdiri daripada elemen kemahiran berfikir dan kemahiran insaniah. Pendekatan yang berpusatkan murid dan guru sebagai fasilitator ini menggunakan kaedah sokratik. Pengkaji mengadaptasi model pengajaran al-Ghazali sebagai rujukan dan panduan dalam memantapkan kredibiliti guru. Model ini secara keseluruhannya menekankan peranan guru sebagai pendidik yang berkesan. Menurut al-Ghazali (2005), proses pengajaran hendaklah dilaksanakan oleh orang yang amanah dan bertanggungjawab kerana objektif proses pengajaran sangat signifikan iaitu untuk membawa seseorang insan mengenal Tuhannya.

Rajah 1 Model Pengajaran al-Ghazali dalam konteks pengajaran guru menggunakan Pedagogi Hikmah




Model di atas diadaptasi daripada kajian Nur Hanani (2015) dan Nursafra et, al. (2022). Menerusi model pengajaran di atas, al-Ghazali mempercayai bahawa sesuatu pengajaran

seharusnya dibentuk oleh seorang guru yang menguasai ilmu, kemahiran dan psikologi dalam pengajaran yang setiap satunya mempunyai perincian yang jelas ke arah memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Justeru, pengkaji mendapati Model Pengajaran al-Ghazali ini bersesuaian dalam usaha untuk meneroka keperluan Pedagogi Hikmah bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran Pendidikan Islam khususnya bidang Akidah.

Selain itu, pengkaji juga telah memilih teori konstruktivisme sebagai dasar dalam pelaksanaan pendekatan Pedagogi Hikmah kerana murid akan meneroka pembelajaran secara hands on dan kolaboratif. Ciri-ciri pembelajaran secara konstruktif ialah guru menggalakkan murid bertanya soalan dan berdialog dengan rakan sekelas manakala guru menggalakkan pembelajaran secara inkuiri, menyokong pembelajaran secara kolaboratif, mendidik murid-murid untuk menganggap pembelajaran sebagai suatu proses yang sama penting dengan hasil pembelajaran, menggalakkan soalan atau idea yang dimulakan oleh murid dan menggunakannya sebagai panduan merancang pengajaran dan mengambil kira kepercayaan dan sikap yang dibawa oleh murid (Siti Khairunnisa, Nik Hasna & Siti Nabilah, 2020). Ciri-ciri ini dilihat mempunyai persamaan yang signifikan dengan kajian ini berkaitan pelaksanaan Pedagogi Hikmah dalam pengajaran Akidah.

Pengkaji turut mengadaptasi model pengajaran Reiser & Dick sebagai panduan dalam pelaksanaan pengajaran Akidah menggunakan pendekatan Pedagogi Hikmah.

Rajah 2 Pelaksanaan model Pedagogi Hikmah dalam Pengajaran Akidah. Adaptasi dari kajian Roszaiema et, al. (2019), Model Pengajaran Reiser & Dick (1996) dan Kaedah Sokratik oleh Lipman (1970)



Model pengajaran Reiser & Dick serta kaedah Sokratik dijadikan sebagai panduan dalam pelaksanaan pengajaran Akidah menggunakan Pedagogi Hikmah. Proses pengajaran Akidah bermula dengan mengenal pasti matlamat pengajaran. GPI akan memilih tajuk

berdasarkan rancangan pengajaran tahunan yang telah disusun. Seterusnya, berpandukan Dokumen Standard Kandungan dan Penaksiran (DSKP), GPI akan mengenal pasti objektif pembelajaran dan membangunkan alat penilaian. Selepas itu, GPI akan merancang strategi pengajaran dengan menghasilkan rancangan pengajaran yang menepati pendekatan Pedagogi Hikmah meliputi aspek bahan rangsangan dan jalur inkuiri. GPI juga bertanggungjawab untuk memastikan susunan di dalam bilik darjah menepati kaedah Sokratik yang menjadi sandaran pendekatan Pedagogi Hikmah iaitu membentuk pusingan U atau bulatan. Seterusnya, GPI akan memilih bahan bantu mengajar dengan membuat perincian bahan rangsangan dalam pengajaran seperti teks cerita, video atau gambar. Setelah itu, barulah GPI akan melaksanakan pengajaran mengikut tiga fasa yang terdapat di dalam rancangan pengajaran Pedagogi Hikmah iaitu fasa rangsangan, fasa pertanyaan dan fasa perbincangan.

Di dalam fasa rangsangan, GPI akan menunjukkan bahan rangsangan seperti teks cerita, gambar atau video. Sekiranya GPI memberikan teks cerita, murid akan diminta untuk membaca cerita tersebut secara bergilir-gilir dengan kuat dan menggunakan intonasi yang tepat untuk memastikan murid memahami isi kandungan cerita. Setelah selesai membaca, GPI akan bertanya tentang watak yang terdapat di dalam teks dan mesej yang diperoleh daripada teks cerita tersebut.

Seterusnya, proses pembelajaran beralih kepada fasa pertanyaan. GPI akan meminta murid membina soalan untuk merungkai perkara yang tidak dijelaskan di dalam teks cerita yang diberikan. Murid akan menulis soalan di papan putih. GPI akan membaca soalan tersebut satu persatu dan melabelkan nama murid di sebelah soalan. Tindakan menulis nama murid ini adalah sebagai suatu bentuk apresiasi dan penegasan positif terhadap penglibatan murid di dalam pembelajaran secara tidak langsung meningkatkan motivasi dan minat murid untuk terus belajar. GPI dan murid akan berbincang untuk menyenaraikan soalan mengikut aras rendah, sederhana dan tinggi.

Selepas itu, proses pembelajaran diteruskan dengan fasa perbincangan. Murid-murid akan berbincang berkenaan soalan yang telah dipilih. Semua murid boleh menyampaikan pandangan dan pendapat. Guru akan bertindak sebagai fasilitator untuk membentuk komuniti inkuiri. GPI akan merangsang murid untuk menyoal dan memberikan pendapat. Sesi perbincangan akan berakhir dengan penutup dan murid akan memberikan kesimpulan yang telah disepakati secara kolaboratif. Di dalam amalan Pedagogi Hikmah, peranan GPI amat penting untuk menggalakkan murid menyoal dan memberikan pendapat. Hal ini kerana, melalui lontaran soalan dan sumbang saran, murid akan melalui proses berfikir.

Sekalipun pendekatan Pedagogi Hikmah akan menzahirkan latar belakang kognitif murid yang berbeza, ia bukanlah sesuatu yang menjadi keutamaan. Hal ini kerana, murid sentiasa diberikan ruang untuk menyampaikan pendapat dan mengajukan soalan untuk memperkembang kefahaman mereka. Oleh kerana prinsip pendekatan Pedagogi Hikmah mengutamakan aspek etika dan adab, tolak ansur dan meraikan perbezaan, proses pembelajaran akan berjalan dengan lancar dan efektif. Murid secara tidak langsung akan terus bermotivasi untuk belajar.

Setelah meneliti sorotan kajian berkaitan pelaksanaan Pedagogi Hikmah, pengkaji telah menyediakan contoh rancangan pengajaran mengikut kaedah inkuiri falsafah untuk bidang Akidah. Rancangan pengajaran ini dihasilkan mengikut DSKP dan mengandungi elemen-elemen yang menggalakkan kemahiran berfikir di dalam pembelajaran. Guru sebagai fasilitator

akan memandu penyooalan dan perbincangan murid mengikut jalur inkuiri yang telah ditetapkan.

Jadual 1 Rancangan pengajaran mengikut kaedah inkuiri falsafah bagi mata pelajaran Akidah

	Apa	Bagaimana
Bahan Perangsang	Teks Cerita	Guru menyuruh pelajar membaca seorang demi seorang dengan menggunakan intonasi yang betul.
Jalur Inkuiri	Faktor berlakunya Riddah dan kesan Riddah.	
Hasil Pembelajaran	Di akhir pelajaran, murid akan dapat: <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan faktor-faktor yang menyebabkan Riddah. 2. Menilai kesan buruk apabila berlakunya Riddah. 	
Perkembangan Pembelajaran		
Set Induksi (5 minit)	Guru meminta pelajar membaca petikan itu mengikut perenggan secara bergilir-gilir.	
Perkembangan 1 (10 minit)	Jalur Inkuiri 1 <ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah perkara yang menyebabkan berlakunya Riddah? 2. Ramalkan kesan yang akan terjadi sekiranya berlaku Riddah? 3. Bagaimanakah cara untuk menjauhi Riddah? 	Guru meminta pelajar mengemukakan soalan berdasarkan undian (Roda Impian) Guru meminta seorang pelajar menulis soalan mereka di papan putih dan melabelkan nama murid yang bertanya.
Menyusun soalan murid (10 minit)	Cuba fokus kepada jalur di atas.	Guru dan murid mengkategorikan soalan, kemudian memilih soalan yang hendak dijawab terlebih dahulu.
Perkembangan 2	Perbincangan	1. Guru memulakan perbincangan mengenai

(25 minit)		soalan yang telah dikategorikan mengikut turutan.
		2. Guru hanya sebagai fasilitator dan memprovokasi perbincangan.
Penilaian dan Guru meminta pelajar Penutup membuat rumusan pembelajaran. (10 minit)		Murid diberi soalan tentang isi pembelajaran dan cara untuk menjauhi Riddah.
		lampiran penilaian
		Link quizizz :
		https://wordwall.net/resource/47899080

Implikasi Pendekatan Pedagogi Hikmah dalam Pengajaran Akidah

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan Pedagogi Hikmah dalam pengajaran dapat merangsang tingkah laku kognitif murid. Antaranya ialah murid dapat bertanyakan sebab dan akibat sesuatu perkara serta murid yang lain dapat memberikan penjelasan berdasarkan pengetahuan sedia ada dan pengalaman sendiri. Selain itu, murid tidak akan malu untuk meminta dan mencari penjelasan. Murid didapati berupaya memperincikan konsep, menghasilkan ramalan yang tepat, membuat hipotesis dalam perbincangan dan membuat kesimpulan umum. Selain itu, murid juga dapat memberikan contoh, meneroka ramalan awal, mengenal pasti kesalahan dan membuat kesimpulan sebab dan akibat (Wan Mazwati & Rosnani, 2022). Ini menunjukkan bahawa penerapan kemahiran berfikir aras tinggi berlaku secara aktif dan meluas melalui pendekatan Pedagogi Hikmah.

Hasil daripada elemen komuniti inkuiri yang terdapat di dalam amalan Pedagogi Hikmah, kefahaman murid terhadap konsep pembelajaran dapat ditingkatkan. Konsep pemahaman dan penyelesaian masalah juga dapat dibincangkan dengan lebih meluas. Proses pembelajaran murid akan menjurus kepada penghasilan makna pembelajaran secara mendalam. Perkembangan kognitif murid dapat dikesan apabila murid berupaya mengaplikasikan ilmu pengetahuan sedia ada, menghasilkan perspektif alternatif melalui perkongsian ilmu dan pendapat, memberi sumbangan idea-idea baharu dan memperkembang idea. Peningkatan kemahiran berfikir murid juga dapat dikenal pasti apabila murid berupaya menghasilkan analogi dan memberikan implikasi dalam teori falsafah. Hal ini menunjukkan bahawa secara tidak langsung, elemen kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dapat diterapkan dalam pembelajaran.

Komuniti inkuiri dalam pendekatan Pedagogi Hikmah menjadi platform bagi murid untuk memperkembang pemikiran, mengapikasi konsep moral, akhlak dan adab di dalam pembelajaran serta melibatkan diri dalam inkuiri sosial (Fisher, 1988). Murid tanpa mengira pelbagai latar belakang dan tahap kognitif berpeluang untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran, berkongsi pengalaman dan berkolaborasi untuk mencapai pemahaman serta mencari makna dan pengetahuan dengan bantuan guru sebagai fasilitator. Di dalam medium

inilah murid belajar untuk bekerjasama, mengambil berat dan menghormati pandangan, berlapang dada dalam meraikan perbezaan pandangan dan pendapat serta menghormati keputusan yang dicapai. Hal ini selaras dengan perbincangan ayat al-Quran berkaitan konsep syura (Ali Imran 3;159): “Dan bermusyawarah lah dengan mereka dalam menghadapi sesuatu perkara.”

Komuniti inkuiri sebagai konsep utama dalam amalan Pedagogi Hikmah didapati telah meletakkan satu garis panduan supaya pembelajaran berlangsung secara beretika untuk meneroka makna dan ilmu pengetahuan. Setiap individu mempunyai peranan yang besar bagi memperkembang konsep pembelajaran, saling menjaga etika perbincangan dan bertanggungjawab untuk membentuk pemahaman yang akhirnya memberi manfaat kepada semua individu yang terlibat. Hal ini dilihat menyediakan peluang kepada individu pelbagai tahap kognitif untuk meningkatkan kemahiran komunikasi, kognitif, kemahiran sosial dan emosi.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, amalan Pedagogi Hikmah dalam pengajaran Akidah di sekolah rendah wajar diterapkan kerana pengkaji mendapati ia dapat meningkatkan keberkesanan proses pengajaran GPI di sekolah. Murid sebagai klien guru bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran kognitif, tetapi juga memperkembang kemahiran insaniah. Hal ini kerana penerapan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta kemahiran insaniah adalah selaras dengan budaya pembelajaran merentasi revolusi industri 4.0. Tambahan lagi, Pedagogi Hikmah didapati bertepatan dengan konsep pembelajaran abad ke-21 yang menggalakkan murid meneroka dan menjayakan sesi pembelajaran.

Kajian ini mencirikan amalan Pedagogi Hikmah dalam pengajaran Akidah. Justeru, pengkaji mencadangkan kajian ini diteruskan dengan penghasilan modul pelaksanaan agar ia dapat dijadikan panduan dan rujukan oleh guru-guru di sekolah. Pengkaji juga ingin mencadangkan agar pengkaji seterusnya mengadakan bengkel amalan Pedagogi Hikmah dalam pengajaran Akidah supaya pendekatan ini dapat dipraktikkan dengan betul dan memberi implikasi yang positif terhadap pengajaran GPI seterusnya menjana kefahaman dan penghayatan murid kepada isi pembelajaran.

Rujukan

- Ab Wahab, M. K., Zulkifli, H., & Abdul Razak, K. (2022). Impact of Philosophy for Children and Its Challenges: A Systematic Review. *Children*, 9(11), 1671. <https://doi.org/10.3390/children9111671>
- Hafizhah Zulkifli & Rosnani Hashim. (2019). Moral Reasoning Stages through Hikmah (Wisdom) Pedagogy in Moral Education. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8(4), 886–899. <https://doi.org/10.6007/ijarped/v8-i4/6779>
- Hafizhah Zulkifli & Rosnani Hashim. (2019). The Development of Questioning Skills through <i>Hikmah</i> (Wisdom) Pedagogy. *Creative Education*, 10(12), 2593–2605. <https://doi.org/10.4236/ce.2019.1012187>

- Hafizhah Zulkifli & Nur Alniza Azman. (2021). Understanding the Needs of the Hikmah (Wisdom) Pedagogy Module in the Fields of Akhlak and Sirah of Primary and Secondary Schools-Hikmah (Wisdom). *International Journal of Innovation, Creativity and Change*. 15(9),765–785.
https://www.ijicc.net/images/Vol_15/Iss_9/15973_Zulkifli_2021_E1_R.pdf
- Leng, L. (2020). The Role of Philosophical Inquiry in Helping Students Engage in Learning. *Frontiers in Psychology*, 11(March), 1–12. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.00449>
- Lina Mursyidah Hamzah. (2015). Using Philosophical Inquiry Methods to Enhance Students' Inquiry Skills in Teaching Aqidah among Form 2 Students. Unpublished Master's Project Paper, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Lipman, M. (1988). *Philosophy goes to school* (Philadelphia : Temple University Press.
- Lipman, M., Sharp, A.M., & Oscayan. (1980). *Philosophy in the classroom* (2nd edn.). Philadelphia : Temple University Press.
- Nur Syahirah Jarawi, & Hafizhah Zulkifli. (2020). Pedagogi hikmah dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pendidikan Islam. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 90–102.
- Nurhamizah M Musa & Hafizhah Zulkifli. (2019). Kertas konsep pedagogi hikmah dalam pembentukkan kemahiran penyoalan lisan murid sekolah rendah. *6th International Conference on Postgraduate Research (ICPR) 2019*, 432-447.
- Nurul Sakinah Aziz, & Hafizhah Zulkifli. (2021). Memahami keperluan pembinaan modul pedagogi hikmah pendidikan Islam sekolah menengah. *International Conference On Syariah & Law 2021*, 309-322.
- Ridza Hafizuddin Abdul Majid & Faridah Mydin Kutty. 2021. Kemahiran insaniah untuk kebolehpasaran siswazah dari sudut pandang majikan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara SKEPEN 2021*, hlm. 2202-2214.
- Rosnani Hashim. (2017). *Revitalization of philosophy and philosophical inquiry in Muslim education: the way forward*. Sixth Professorial Lecture Series. Kulliyah of Education, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur. ISBN 978-967-10986-1-5
- Roszaieema Zulfahrim, Mohd Isa Hamzah & Mohd Hakiman Zakaria. (2019). Pengaplikasian pedagogi hikmah meningkatkan tahap kemahiran berfikir dalam pengajaran pendidikan Islam. *The 12th International Workshop and Conference of Asean Studies in Islamic & Arabic Education, Linguistics, Social Sciences and Educational Technology 2019*, 534-541.
- Sharp, A.M. (1993). The community of inquiry: Education for democracy. In M. Lipman (Ed.), *Thinking Children and Education* (pp.337-345). Iowa: Kendall/Hunt Publishing Company.